

Ruj. Kami : USB.01/04.01/13.01/4.1 (3)(60)

9 Mac 2023

**KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN,**

Assalamualaikum & Salam Sejahtera,

Tuan/ Puan,

**SESI TEMUDUGA LATIHAN INDUSTRI, PROGRAM PENGAJIAN SEPARUH MASA, KURSUS SARJANA MUDA KEJURUTERAAN AWAM, SEMESTER II, SESI 2022/2023.**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa penama dilampirkan dalam jadual temuduga Latihan Industri adalah pelajar Program Pengajian Separuh Masa yang mengikuti Kursus Sarjana Muda Kejuruteraan Awam. Pelajar berkenaan dikehendaki menghadiri temuduga Latihan Industri seperti yang dinyatakan dalam jadual yang akan diadakan secara atas talian. Oleh yang demikian, pelajar disyorkan untuk diberi pelepasan selama 30 minit untuk menghadiri temuduga tersebut.

3. Latihan Industri merupakan salah satu syarat untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam). Kegagalan menghadiri temuduga ini akan menyebabkan pelajar gagal untuk memenuhi syarat kredit penganugerahan. Perhatian dan kerjasama tuan/puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



**Ts. DR MOHD ZAMRI BIN RAMLI**  
Pengurus Akademik Program Luar (PAPL)  
Fakulti Kejuruteraan Awam  
Universiti Teknologi Malaysia  
Johor Bahru, Johor.  
 07-5532449

